



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, Blok E10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 39/2013 (22 hingga 28 September 2013)**

“Kes denggi meningkat melebihi seribu kes dalam seminggu ”

Bilangan kes denggi yang dilaporkan dalam minggu ke 39 iaitu bagi tempoh 22 hingga 28 September 2013 telah melebihi seribu iaitu 1,149 kes, di mana ini merupakan jumlah kes yang tertinggi dilaporkan sejak minggu ke 35 tahun 2010. Bilangan kumulatif kes iaitu dari Januari hingga 28 September 2013 juga telah meningkat sebanyak 6,262 kes (38%) iaitu 22,602 kes berbanding hanya 16,340 kes pada tempoh yang sama tahun 2012.

KKM melalui analisis mingguan pula melaporkan sejumlah 1,149 kes pada minggu lepas, meningkat sebanyak 203 kes (21.5%) berbanding 946 kes yang dicatatkan pada minggu sebelumnya. Terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes iaitu Selangor 149 kes (28%), Negeri Sembilan 24 kes (133%), Perak 18 kes (64%), Johor 14 kes (15%), WP KL & Putrajaya 8 kes (15%), Kelantan 7 kes (19%), Sabah 5 kes (36%) dan Melaka 4 kes (7%).

Tiga (3) kematian dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga kini adalah sebanyak 48 kematian, meningkat 78 % (21 kematian) berbanding 27 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2012.

Kes kematian melibatkan dua orang wanita, masing-masing berusia 45 dan 54 tahun dari Selangor dan Melaka manakala seorang lagi lelaki berusia 38 tahun dari Selangor. Pesakit-pesakit ini mengalami tanda-tanda seperti demam, sakit kepala dan kurang selera makan serta telah mendapatkan rawatan di hospital sebelum dimasukkan ke wad kerana demam denggi. Kesemua pesakit ini mengalami keadaan kritikal dan kemudiannya dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Kesemua pesakit bagaimanapun meninggal dunia setelah dirawat selama beberapa hari dengan sebab kematian "*Dengue Shock Syndrome*". Dua daripada kes kematian ini berlaku di kawasan lokaliti wabak di mana sehingga kini sebanyak 29 kes denggi telah dilaporkan di salah satu daripada lokaliti wabak tersebut. Perkara ini sepatutnya diberi perhatian yang serius oleh semua pihak khususnya penduduk di kawasan ini untuk memastikan tiada tempat pembiakan Aedes. Dengan jumlah kes yang tinggi dan berlaku kes kematian, semua pihak perlu bertanggungjawab untuk membersihkan kawasan ini dari pembiakan Aedes dan seterusnya menyekat peregangan jangkitan denggi. Hasil kajian yang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan juga mendapati kadar pembiakan Aedes yang ditemui adalah 6.2% dan 10%, iaitu melebihi nilai sensitif 1%.

Sejumlah 244 lokaliti wabak denggi dilaporkan berbanding 226 lokaliti pada minggu sebelumnya dengan Selangor sebanyak 175 lokaliti, Johor 24 lokaliti, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 14 lokaliti, Melaka 9 lokaliti, Negeri Sembilan 9 lokaliti, Perak 5 lokaliti, Pulau Pinang 2 lokaliti, Pahang 2

lokaliti, Terengganu 2 lokaliti serta masing-masing 1 lokaliti di Kelantan dan Sarawak. Daripada jumlah ini 20 lokaliti hotspots yang dilaporkan melibatkan 2 negeri iaitu Selangor (19 lokaliti) dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya (1 lokaliti).

Masyarakat di lokaliti hotspot ini perlu sedar akan bahaya demam denggi dan penglibatan menyeluruh semua pihak dalam pencegahan kejadian denggi amat dituntut terutama sekali di lokaliti hotspot. Ketua masyarakat dan pemimpin tempatan juga perlu memainkan peranan yang lebih aktif dengan menggerakkan usaha-usaha masyarakat dalam menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. **Perlu ditegaskan, semburan racun serangga semata-mata tidak berkesan bagi mengawal denggi. Jika tempat pembiakan Aedes tidak dihapuskan selepas semburan, nyamuk Aedes akan muncul semula dan menularkan jangkitan.** Penubuhan pasukan COMBI dilokalisasi hotspot ini juga diharap dapat membantu dalam menghapuskan tempat pembiakan Aedes. Luangkan masa 10 minit seminggu, Tiada Aedes, Tiada Denggi.



DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

3 Oktober 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 39/2013
(22 hingga 28 September 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 39/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 39/2012
		Minggu 39 (22 – 28 Sept 2013)	Minggu 38 (15 – 21 Sept 2013)		
1	Perlis	1	5	174 (1)	136
2	Kedah	10	13	621 (1)	645 (3)
3	P. Pinang	18	24	611 (2)	597 (1)
4	Perak	46	28	1,359 (1)	1,270 (5)
5	Selangor	691 (2)	542 (1)	10,742 (14)	6,989 (11)
6	WPKL & Putrajaya	60	52 (1)	1,623 (7)	1,424 (3)
7	N. Sembilan	42	18	511	389 (1)
8	Melaka	65 (1)	61	635 (4)	374
9	Johor	103	89	2,957 (11)	1,246 (1)
10	Pahang	13	16	460 (1)	491 (1)
11	Terengganu	21	30	347	608
12	Kelantan	43	36	1,046 (2)	911
13	Sarawak	17	18	1,012 (3)	854
14	Sabah	19	14	495 (1)	398 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	8
	Jumlah	1149 (3)	946 (2)	22,602 (48)	16,340 (27)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI "HOTSPOT" DILAPORKAN
PADA MINGGU 39 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	92	103	28.6%
2	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	65	82	0.7%
3	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	19	80	60%
4	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	36	75	4.5%
5	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	44	61	10.3%
6	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29 - 7/30, Unisel & Jln A7/A - F7/F)	16	56	6.9%
7	Selangor	Petaling	Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4, 5 , 6)	10	44	4.3%
8	Selangor	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 6	19	41	4.2%
9	Selangor	Petaling	Seksyen 27 Flat A (Blok 1 - Blok 6)	9	40	1.4%
10	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon B (Jln 7/24 - 7/27)	15	40	4%
11	Selangor	Petaling	Pusat Bandar Puchong 5 (Sri Pinang)	14	40	1.8%
12	Selangor	Petaling	Taman Lestari Putra 4	8	40	0%
13	Selangor	Petaling	Upm Serdang Kolej 17	15	40	1.1%
14	Selangor	Petaling	Ss 2 (Timur)	10	36	5.6%
15	Selangor	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Impian Putra	18	34	12.1%

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
16	Selangor	Petaling	Taman Serdang Jaya 3	7	33	0%
17	Selangor	Petaling	Ss 2 (Selatan)	7	32	1.2%
18	Selangor	Petaling	Taman Puchong Prima (Melor)	28	32	6.2%
19	WPKL	Titiwangsa	Kg Baru (Plaza Rah)	9	31	4.2%
20	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres A Zon A (Jln 7/11 - 7/22)	7	30	4.9%